

Aplikasi Fiqh al-Awlawiyyāt dalam Pempfatwaan: Sorotan Isu Perubatan Terpilih

BITARA

Volume 5, Issue 3, 2022: 122-136
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 29 Jun 2022
Accepted: 11 September 2022
Published: 30 September 2022

[The Application of Fiqh al-Awlawiyyāt (Priorities) in Islamic Jurisprudence: Medical Issues Highlights]

Sarah Aqilah Mazuki,¹ Mohd Fadzhl Mustafa¹ & Hannan Fatini Md Reshad¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: sarahaqilahmazuki@gmail.com; fadzhl@unisza.edu.my; hannanfatini@gmail.com

* Corresponding Author: fadzhl@unisza.edu.my

Abstrak

Perkembangan teknologi yang pesat pada masa kini telah memberi kesan yang besar kepada teknologi perubatan. Perkara ini membawa kepada penemuan pelbagai penyakit, kaedah rawatan, ubat-ubatan dan sebagainya. Namun, perkembangan teknologi dalam dunia perubatan ini juga membawa kepada timbulnya permasalahan yang baharu dan memerlukan kepada penelitian secara terperinci terhadap hukum-hakam yang berkaitan dengannya. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis pengaplikasian fiqh al-awlawiyyāt dalam isu perubatan yang terpilih. Metodologi kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Manakala, kaedah dokumentasi digunakan untuk mengumpulkan maklumat berkenaan dengan kajian dan analisis kandungan diaplikasikan dalam kaedah analisis data. Kajian ini juga hanya memfokuskan kepada beberapa isu perubatan yang terpilih. Hasil kajian ini mendapati bahawa fiqh al-awlawiyyāt telah diaplikasikan dalam penetapan dan pengeluaran hukum di Malaysia. Pengeluaran fatwa yang dilakukan oleh institusi yang bertanggungjawab ini telah menunjukkan kepentingan menjaga maqāsid syari'ah ketika berlakunya sesuatu permasalahan. Oleh yang demikian, kajian ini menyimpulkan bahawa pengaplikasian fiqh al-awlawiyyāt dalam pengeluaran hukum juga merupakan salah satu aspek atau elemen yang perlu diberi perhatian yang khusus dalam memastikan hukum yang diputuskan tersebut selari dengan kehendak syarak.

Kata kunci: Fiqh al-awlawiyyāt, Clexane, Methadone, maṣlahah, ḍarūrah, Maqāsid Syari'ah.

Abstract

The development of technology nowadays has had a great impact on medical technology. This led to the discovery of various diseases, treatment methods, medicines and so on. However, the development of technology in the medical world also leads to the emergence of new problems and requires a detailed study of the laws related to it. The purpose of this study is to analyze the application of fiqh al-awlawiyyāt in selected medical issues. This qualitative research methodology uses a case study design. Meanwhile, documentation methods are used to gather information regarding the study and content analysis is applied in data analysis methods. This study also only focuses on some selected medical issues. The results of this study found that fiqh al-awlawiyyāt has been applied in the establishment and issuance of laws in Malaysia. The issuing of fatwas by responsible institutions has shown the importance of safeguarding the maqāsid shari'ah when a problem occurs. Therefore, this study concludes that the application of fiqh al-awlawiyyāt in the production of law is also one of the aspects or elements that need to be given special attention in ensuring that the law that has been decided is in line with the requirements of syariah.

Keywords: Fiqh al-awlawiyyat, Clexane, Methadone, maṣlahah, ḍarūrah, Maqāsid Syari'ah

Cite This Article:

Sarah Aqilah Mazuki, Mohd Fadzil Mustafa & Hannan Fatini Md Reshad. (2022). Aplikasi Fiqh al-Awlawiyyāt dalam Pematwaan: Sorotan Isu Perubatan Terpilih [*The Application of Fiqh al-Awlawiyyāt (Priorities) in Islamic Jurisprudence: Medical Issues Highlights*]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(3): 122-136.

Pengenalan

Islam merupakan sebuah ajaran yang memberi penekanan secara menyeluruh melangkaui segenap aspek kehidupan sama ada dari aspek ekonomi, sosial, ibadah, perubatan dan sebagainya (Ishak Mas'ud, 2021, p. 71). Tuntutan ini bertujuan untuk menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan hidup dalam kalangan masyarakat (Mohd Zulkifli Awang, 2019, p. 143). Salah satu aspek yang terpenting dalam kehidupan manusia ialah aspek kesihatan. Hal ini kerana kehidupan yang sejahtera dapat mendorong seseorang tersebut untuk melakukan ibadah dengan sempurna dan khushyuk. Tambahan pula, menurut Dagang (2013, p. 9), ibadah yang dilaksanakan dengan sempurna dan khushyuk amat memainkan peranan yang penting terhadap setiap muslim dalam usaha untuk mendapatkan ketenangan jiwa. Perkara ini dibuktikan dengan penulisan yang dilakukan oleh Awang (2011, pp. 31-48), yang menyatakan bahawa terdapat pelbagai hikmah dalam ibadah yang disyariatkan oleh Allah SWT. Individu muslim yang taat kepada perintah agama serta mempunyai kesihatan yang sejahtera dapat membentuk dan melahirkan sebuah keluarga yang saling berkasih-sayang, hormat- menghormati serta saling bermaafan. Hal ini amat penting dalam membentuk sebuah kelompok masyarakat yang penyayang dan dalam masa yang sama melahirkan sebuah negara yang sejahtera (Dagang, 2013, p. 1). Perkara ini jelas menggambarkan bahawa kesihatan itu merupakan satu perkara yang penting dan perlu diberi penekanan yang khusus dalam kehidupan seharian.

Menurut Mohd Zulkifli Awang, et.al (2019, p. 144) ilmu perubatan juga ditakrifkan sebagai ilmu yang membicarakan mengenai tubuh badan manusia sama ada dari sudut rawatan dan penjagaannya. Oleh kerana bidang perubatan ini termasuk dalam muamalat Islam dan hukum asal sesuatu perkara adalah harus maka, sudah tentu perkara ini sentiasa perlu disandarkan kepada panduan yang telah ditetapkan oleh syarak. Selain itu, penetapan hukum dalam bidang ini juga perlu kepada penjelasan dan panduan yang khusus daripada doktor-doktor pakar yang terlibat. Penjelasan serta panduan ini hendaklah dirujuk kepada pendapat-pendapat ulama' atau kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak (Hehsan, 2015, p. 5). Kecanggihan teknologi serta kemajuan yang berkembang dalam bidang perubatan ini menjadi satu cabaran kepada perundangan Islam. Hal ini kerana peredaran zaman serta perubahan keadaan semasa membawa kepada timbulnya pelbagai permasalahan baharu yang memerlukan kepada penjelasan yang lebih terperinci selari dengan kehendak syarak (Mohd Zulkifli Awang et.al., 2019, p. 144). Setiap keputusan yang hendak dilakukan mestilah berpandukan kepada kaedah syarak dengan mengambil kira masalah sama ada umum atau khusus dalam meraikan kepentingan pelbagai pihak. Salah satu mekanisme yang boleh diaplikasikan dalam permasalahan ini ialah *fiqh al-awlawiyyāt* (Abdul Manan Ismail et.al. , 2020, p. 292).

Awlawiyyat/Keutamaan dalam Bidang Fatwa dan Amal Perbuatan yang Memberi Manfaat kepada Orang Ramai

Antara keutamaan yang dituntut kepada umat Islam ialah mengutamakan keringanan dan kemudahan terhadap sikap memperberatkan dan menyusahkan (al-Qardhawi, 1996, p. 83). Hal ini berdasarkan kepada firman Allah SWT:

... يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ... (١٨٥)

Maksudnya: "... (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran..." (Surah al-Baqarah, 2: 185)

Allah SWT juga berfirman:

يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُخَفِّفَ عَنْكُمْ وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا (٢٨)

Maksudnya: "Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumnya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah" (Surah al-Nisa', 3: 28)

Rasulullah SAW juga bersabda:

حَدَّثَنَا أَبُو سَلَمَةَ الْخُرَازِيُّ قَالَ أَخْبَرَنَا أَبُو هِلَالٍ عَنْ حُمَيْدِ بْنِ هِلَالٍ الْعَدَوِيِّ سَمِعَهُ مِنْهُ عَنْ أَبِي قَتَادَةَ عَنِ الْأَعْرَابِيِّ الَّذِي سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ خَيْرَ دِينِكُمْ أَيْسَرُهُ

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Abu Salamah al-Khuza'i berkata, telah mengkhabarkan kepada kami Abu Hilal dari Humaid bin Hilal al 'Adawi sesungguhnya dia mendengarnya, dari Abu Qatadah dari seorang Badwi, yang mendengar dari Rasulullah SAW bersabda, "Sebaik-baik perkara agama kalian adalah yang paling mudah urusannya, sungguh sebaik-baik perkara agama kalian adalah yang paling mudah urusannya" (Hadis Riwayat Imam Ahmad, Musnad Ahmad, Musnad al-Mukiyayn- Hadis A'rābiyyin: 15936)

Selain itu, baginda juga bersabda:

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ مُحَمَّدٍ عَنْ عُمَارَةَ بْنِ عَرْيَةَ عَنْ حَرْبِ بْنِ قَيْسٍ عَنْ نَافِعِ بْنِ عُمَرَ قَالَ ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ أَنْ تُؤْتَى رُحْصُهُ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ تُؤْتَى مَغْصِبَتُهُ

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Qutaibah bin Sa'id, telah menceritakan kepada kami Abdul Aziz bin Muhammad dari Umarah bin Ghaziyah dari Nafi', dari Ibnu Umar, dia berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Allah senang jika *rukhsah* (keringanan) Nya dilaksanakan sebagaimana Dia benci jika kemaksiatan terhadap-Nya terjadi." (Hadis Riwayat Imam Ahmad, Musnad Imam Ahmad, Musnad Abdillah Ibn Umar: 5873)

Berdasarkan kepada ayat al-Quran dan hadis yang telah dinyatakan tersebut, dapat difahami bahawa Allah SWT tidak mensyariatkan sesuatu yang memberi kesukaran kepada hambanya bahkan, menghendaki kemudahan buat hambaNya. Tambahan lagi, anjuran untuk menunaikan perkara *rukhsah* ini terlebih diutamakan apabila berlakunya hajat dan keperluan padanya, sama ada sakit, umur yang sangat tua dan dalam keadaan yang sangat sulit (al-Qardhawi, 1996, p. 84). Antara kemudahan yang dituntut ialah mengambil kira keadaan darurat yang menimpa kehidupan manusia, sama ada terhadap individu mahupun masyarakat. Islam juga telah menentukan hukum-hukum dan syarat-syarat yang khusus mengenai darurat (al-Qardhawi, 1996, p. 89). Hal ini berdasarkan kepada firman Allah SWT:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخَنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿ ١٧٣ ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah dan daging babi dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”(Surah al-Baqarah, 2: 173)

Ayat ini menjelaskan mengenai hukum memakan perkara yang haram dan juga pengecualian ketika berada dalam keadaan darurat. Selain itu, antara perkara lain yang termasuk dalam memudahkan adalah meraikan perubahan dan perkembangan yang berlaku seiring dengan peredaran masa. Perubahan ini adalah berdasarkan perubahan nilai semasa dan setempat. Hal ini selaras dengan kaedah fiqhyyah, “hukum (fatwa) berubah akibat berubahnya masa, tempat dan suasana”. Begitu juga dengan keanjalan fiqh Islam itu sendiri kerana berlakunya pentafsiran nas al-Quran, hadis dan selainnya mungkin berbeza mengikut suasana setempat atau faktor-faktor lain seperti tahap mentaliti seseorang (Paizah Ismail, 2000, p. 54).

Seterusnya, perkara yang memberi banyak faedah dan manfaat kepada orang ramai adalah lebih utama di sisi Allah SWT berbanding amalan yang hanya memberi faedah dan manfaat kepada diri sendiri atau individu atau golongan yang sedikit. Hal ini seperti firman Allah SWT:

﴿ أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴾ (١٩) ﴿ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴾ (٢٠)

Maksudnya: Adakah kamu sifatkan hanya perbuatan memberi minum kepada orang-orang yang mengerjakan Haji, dan (hanya perbuatan) memakmurkan Masjid al-Haram itu sama seperti orang yang beriman kepada Allah dan hari

akhirat serta berjihad pada jalan Allah? Mereka (yang bersifat demikian) tidak sama di sisi Allah, dan Allah tidak memberikan hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim. (Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang Haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja); dan mereka itulah orang-orang yang berjaya (Surah al-Taubah, 9: 19-20).

Menurut al-Zuhaili (2002, p. 415), dalam kitab *Tafsir al-Munir*, ayat ini menjelaskan mengenai tingkatan keutamaan antara orang mukmin itu sendiri di mana orang mukmin yang berhijrah dari Mekah ke Madinah, berjihad di jalan Allah (*fi sabilillah*) dengan harta dan nyawa mereka untuk mengagungkan kalimah Allah lebih agung dan lebih tinggi darjatnya berbanding dengan orang yang melakukan amal perbuatan yang lain seperti memberi minum kepada jemaah haji dan memakmurkan masjid. Hal ini kerana berjihad merupakan amal perbuatan yang mendatangkan manfaat untuk seluruh umat Islam berbanding dengan amal perbuatan yang lain seperti menunaikan fardu haji yang menghasilkan manfaat untuk orang yang menunaikannya sahaja.

Selain itu, berdasarkan kepada asas pengertian ayat ini juga banyak hadis Rasulullah SAW menerangkan mengenai keutamaan dan kelebihan ilmu pengetahuan berbanding ibadah. Hal ini merupakan perkara yang penting kerana manfaat ibadah hanya kepada mereka yang melakukannya sahaja manakala, manfaat ilmu dapat diamalkan oleh orang ramai (Asmawi, 2015, p. 118). Oleh itu, perbincangan mengenai keutamaan dalam fatwa dan amal perbuatan yang memberi manfaat kepada orang ramai ini merupakan perkara yang penting dalam memastikan tindakan yang dilakukan tidak memberatkan pelaku dan juga mampu memberi manfaat kepada orang ramai.

Aplikasi *Fiqh Al-Awlawiyyāt* dalam Fatwa Perubatan

Antara isu-isu yang perubatan yang terpilih dalam kajian ini adalah isu berkenaan dengan penggunaan *claxane* serta *fraxiparine* dan juga penggunaan *methadone* dalam rawatan gantikan terhadap penagih dadah di Malaysia. Kedua-dua isu ini dipilih dan dianalisis mengenai pengaplikasian *fiqh al-awlawiyyāt* dalam pengeluaran hukum atau fatwa berkenaannya. Selain itu, isu ini juga dipilih kerana merupakan antara isu yang memberi impak dan kesan yang besar kepada masalah umum.

Isu Penggunaan Ubat *Clexane* dan *Fraxiparine*

Clexane dan *Fraxiparine* merupakan ubat yang digunakan dalam industri perubatan bagi merawat pelbagai penyakit kronik di Malaysia. Namun, terdapat permasalahan pada kandungan bahan bagi ubat-ubat ini. Menurut Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna menyatakan bahawa *Clexane* terdiri daripada bahan aktif yang disebut sebagai *enoxaparin sodium*. Manakala, kajian yang telah dilakukan oleh (Javier Martínez González, 2018, p. 576), menyatakan bahawa *enoxaparin* diklasifikasikan sebagai *heparin* berat molekul rendah.

Manakala, bahan awal yang digunakan dalam pembuatan ubat ini ialah babi. *Clexane* merupakan ubat yang digunakan untuk mencegah pembentukan dan pembekuan darah dalam vena yang disebabkan oleh beberapa keadaan yang tertentu. Selain itu, *clexane* juga berfungsi merawat perasaan sesak dan pedih secara tiba-tiba pada dada, serangan jantung dan sebagainya (Mohd Zulkifli Awang, 2019, p. 145).

Manakala, Jabatan Mufti Negeri Sembilan telah menyatakan bahawa Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) telah mengesahkan berkenaan kewujudan enzim babi dalam kandungan *Clexane* dan *Fraxiparine*. Hal ini kerana ubat tersebut terbentuk daripada *heparin* berat molekul rendah (*low molecular weight heparin*) yang berunsurkan daripada *heparin* (Mohd Zulkifli Awang, 2019, p. 148). *Heparin* pula adalah sumber biologi yang diperoleh dari usus babi (Hehsan, 2015, p. 78; Sameer Avasarala et. al, 2016, p. 1). Terdapat tiga jenis ubat pencair darah yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu *enoxaparin* (*clexan*) atau yang sejenama dengannya; jenis *low molecular weight heparin*, *fondaparinux* (*arixtra*) atau yang sejenama dengannya; jenis sintetik dan *heparin*; jenis biasa (Suhazeli Abdullah, 2016).

Namun, kajian yang dilakukan oleh (Alexander G. G. Turpie, 2002, p. 1833), menyatakan bahawa terdapat bahan lain yang boleh digunakan sebagai ganti kepada *clexane* (*enoxaparin*) dalam keadaan yang tertentu. Bahan atau ubat lain tersebut dinamakan sebagai *arixtra* (*fondaparinux*). *Arixtra* mengandungi ramuan aktif yang dinamakan sebagai *fondaparinux*. *Fondaparinux* ini merupakan satu ramuan yang diperoleh daripada proses sintesis kimia dan bukannya daripada bahan yang berunsurkan haiwan seperti ubat yang mengandungi bahan aktif dari golongan *heparin* (Yili Ding, 2019, pp. 1-2). *Arixtra* juga telah berdaftar dengan BPFK dengan nombor pendaftaran MAL 20034441A dan didapati telah berada dalam pasaran lebih dari 10 tahun (Jabatan Mufti Negeri Sembilan, 2019)

Perbincangan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009 telah memutuskan berkenaan hukum penggunaan ubat *Clexane* dan *Fraxiparine* seperti berikut:

“Islam menegah penggunaan ubat dari sumber yang haram bagi mengubati sesuatu penyakit, kecuali dalam keadaan di mana tiada ubat dari sumber yang halal ditemui dan bagi menghindari kemudaratan mengikut kadar yang diperlukan sahaja sehingga ubat dari sumber yang halal ditemui. Oleh itu, berhubung dengan penggunaan ubat *Clexane* dan *Fraxiparine* yang dianggap darurat kepada para pesakit bagi mencegah formulasi pembekuan darah secara serta merta ketika pesakit berada pada tahap kronik, Muzakarah memutuskan bahawa penggunaan kedua-dua jenis ubat ini adalah ditegah kerana ia dihasilkan dari sumber yang diharamkan oleh Islam, memandangkan pada masa ini telah terdapat alternatif ubat iaitu *Arixtra* yang dihasilkan daripada sumber halal dan mempunyai fungsi serta keberkesanan yang sama dengan *Clexane* dan *Fraxiparine*”.

Berdasarkan fatwa yang telah dijelaskan tersebut, dapat difahami bahawa penggunaan ubat yang haram dalam perubatan sesuatu penyakit adalah dilarang kecuali dalam beberapa keadaan darurat dan kemudahan tersebut mengikut kadar yang diperlukan sahaja. Kajian yang telah dilakukan oleh Suhazeli Abdullah (2016), telah menyatakan berkenaan fungsi atau keberkesanan tiga jenis ubat ini seperti berikut:

1. Kajian telah membuktikan bahawa penggunaan *enoxaparine* lebih baik berpuluh kali ganda dari sudut kualiti, keberkesanan serta keselamatan kepada pesakit berbanding *heparin*. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan *claxane* dalam perubatan lebih berkualiti berbanding *heparin*.
2. Ubat *arixtra* yang berasaskan dari bahan *fondaparinux* mempunyai kualiti, keberkesanan dan keselamatan yang sama dengan *claxane* yang berasaskan *enoxaparine*. Namun, harga *fondaparinux* lebih tinggi berbanding *enoxaparine*. Hal ini akan memberi kesan kepada pesakit yang kurang berkemampuan untuk mendapatkannya.
3. Masih belum ada satu kajian yang definitif bagi mengesahkan keselamatan kegunaan *fondaparinux* terhadap ibu hamil dan selepas bersalin (post-natal). Perkara ini mendatangkan risiko dan kerisauan kepada pesakit.
4. Pesakit yang diberikan ubat *heparin* perlu dijaga dengan rapi dan memerlukan kepada pemantauan yang rumit sama ada ketika berada di hospital dan setelah dibenarkan pulang ke rumah.

Oleh itu, penggunaan *claxane* dan *fraxiparine* adalah dilarang dalam Islam kerana telah didapati mengandungi unsur yang haram iaitu babi. Oleh kerana terdapat alternatif lain terhadap penggunaan ubat ini iaitu *arixtra* yang mempunyai keberkesanan dan fungsi yang sama dengan *claxane* dan *fraxiparine*. Walaupun harga *arixtra* lebih tinggi berbanding *claxane* dan *fraxiparine* serta belum ada kajian yang definitif dalam penggunaannya terhadap ibu hamil namun, hal ini tidak menafikan keberkesanan, kualiti dan keselamatan *arixtra* dalam perubatan yang selainnya.

Menurut Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP), *arixtra* digunakan untuk mencegah pembentukan darah dalam saluran darah pada keadaan yang tertentu serta merawat sesetengah jenis serangan jantung atau angina (Kesakitan yang disebabkan oleh penyempitan arteri di dalam jantung) yang tenat. *Arixtra* juga berfungsi mencegah pembentukan trombosis (Trombosis adalah pembentukan gumpalan darah yang tidak normal di dalam pembuluh darah arteri atau vena) atau merawat bekuan darah yang sudah terbentuk (Sejenis agen antitrombotik). Penemuan *arixtra* dalam dunia perubatan telah menghapuskan ‘illah keharusan penggunaan bahan yang ditegah. Hal ini bersesuaian dengan kaedah fiqh ما جاز لعذر يبطل بزواله. Prinsip ini menyatakan bahawa keharusan sesuatu perkara yang disebabkan oleh keuzuran tertentu terbatal dengan hilangnya keuzuran tersebut (Jabatan Mufti Negeri Sembilan, 2019).

Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوْحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلًا لِّغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ (١٤٥)

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): “Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi – kerana sesungguhnya dia adalah kotor – atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah”. Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak mengininya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (Surah al-An’am, 6: 145).

Rasulullah SAW juga bersabda:

حَدَّثَنَا هَارُونُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشْرٍ، حَدَّثَنَا يُونُسُ بْنُ أَبِي إِسْحَاقَ، عَنْ مُجَاهِدٍ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الدَّوَاءِ الْخَبِيثِ.

“Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT menurunkan penyakit dan penawar, dan Dia menjadikan bagi setiap penyakit itu penawar, maka berubatlah dan janganlah kamu berubat dengan (perkara-perkara) yang haram.

(Riwayat Abu Daud: Jilid 3, Kitab Al-Tibb, 184: 3870)

Berdasarkan kepada ayat al-Quran dan hadis yang telah dinyatakan sebelum ini, dapat difahami bahawa Allah SWT melarang penggunaan bahan yang didapati daripada sumber yang haram. Nas-nas ini kemudiannya disokong oleh kaedah fiqhiyyah yang telah ditetapkan oleh ulama’ sebagai panduan dalam mengeluarkan hukum seperti *الضرورة تبيح المحظورات* (keadaan darurat mengharuskan yang haram). Hal ini bermaksud bahawa apabila berlakunya darurat, diharuskan melakukan sesuatu yang diharamkan dengan syarat-syarat yang tertentu. Keadaan darurat dalam situasi ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia iaitu:

1. Darurat itu benar-benar wujud. Hal ini membawa maksud darurat tersebut berlaku secara pasti atau wujud sama ada berlaku kepada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta; atau berdasarkan kepada sangkaan kuat melalui pengalaman atau pengetahuan.
2. Seseorang yang berada dalam keadaan darurat tersebut tidak mempunyai pilihan lain yang diharuskan oleh syara’ kecuali pilihan pada perkara yang haram dan ditegah.
3. Usaha perlu dilakukan bagi memastikan kewujudan perkara-perkara halal yang lain tidak mampu untuk menghindarkan kemudaratan yang menimpa pesakit.
4. Pengambilan kepada penggunaan yang haram tersebut sekadar keperluan.
5. Keputusan untuk pengambilan dan pengubatan yang haram tersebut mestilah disyorkan, dipastikan dan diperakui oleh seorang doktor muslim yang adil, diyakini amalan dan pegangan agama serta mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.

Berdasarkan kepada semua penjelasan yang telah dinyatakan pada sebelum ini, dapat disimpulkan bahawa jika tidak terdapat sebarang permasalahan pada menggunakan *arixtra* dalam perubatan ketika diperlukan, maka diutamakan menggunakan *arixtra* dan penggunaan *claxane* pada waktu tersebut adalah diharamkan. Namun, pada hal keadaan darurat seperti sukar

untuk mendapatkan *arixtra* pada ketika diperlukan atau pesakit tidak mampu untuk membayar kos rawatan yang mahal (padahal dia berada dalam keadaan yang kritikal) atau keadaan pesakit ibu hamil pada ketika itu berisiko (oleh kerana belum ada kajian yang definitif bagi penggunaan *arixtra*), jadi diutamakan untuk menggunakan *clexane* pada waktu tersebut dengan kadar yang tertentu sehingga ubat yang halal ditemukan. Hal ini juga berdasarkan kepada kaedah fihiyyah *الضرورة تبيح المحظورات* (keadaan darurat mengharuskan yang haram) dan *ما أبيح للضرورة تقدر بقدرها* (sesuatu yang diharuskan kerana darurat dihadkan mengikut kadarnya).

Isu Penggunaan *Methadone* dalam Rawatan Penagihan Dadah

Pada tahun 2005, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memperkenalkan sebuah program yang dinamakan sebagai Program Rawatan Terapi Gantian (RTG) Dadah bagi mencegah jangkitan virus bawaan darah (HIV, Hep C, Hep) yang disebabkan oleh perilaku berisiko tinggi antaranya perkongsian penggunaan jarum suntikan dalam kalangan penagih dadah. Ubat yang digunakan untuk dalam program ini ialah sejenis ubat sintetik yang dinamakan sebagai *Methadone*. RTG *methadone* ini merupakan pemberian ubat preskripsi (sirap *methadone*) dibawah pengawasan pegawai perubatan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2013).

Penggunaan *methadone* sebagai ubat sebagai rawatan kepada penagih dadah telah dinyatakan secara jelas dalam Garis Panduan Bersama Kawalan Ubat-ubatan Dalam Islam. Garis panduan ini telah menjelaskan berkenaan ubat yang menepati syarak adalah ubat yang bertepatan dengan definisi yang telah dinyatakan seperti berikut:

Definisi ubat: “Ubat adalah bahan yang digunakan untuk perubatan bagi mengesan (diagnosis), meringankan, merawat, menyembuh atau mencegah penyakit pada manusia serta meningkatkan taraf kesihatannya” (Bahagian Hal Ehwal Islam, 1995, p. 11).

Definisi ubat yang halal: “Ubat-ubatan yang halal (atau perkataan yang semakna dengannya) bukan sahaja mesti menepati definisi ubat seperti yang telah diterangkan tetapi sebagai tambahan mesti menepati ciri-ciri berikut (Bahagian Hal Ehwal Islam, 1995, p. 11):

- a. Bukanlah terdiri dari atau mengandungi bahan dari haiwan yang orang Islam dilarang oleh hukum syarak.
- b. Tidaklah mengandungi bahan yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak.
- c. Tidak disediakan, diproses, dikilang atau disimpan dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas dari bahan-bahan najis mengikut hukum syarak.
- d. Tidaklah, apabila menyediakan, memproses, mengilang atau menyimpannya itu, bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa bahan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak perenggan (a), (b), atau (c) ataupun apa-apa bahan yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak.
- e. Tidaklah, apabila digunakan dengan sengaja, boleh mendatangkan kesan-kesan yang boleh membahayakan”.

Berdasarkan kepada definisi yang dinyatakan tersebut terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira dalam mengklasifikasikan sesuatu ubat sama ada bertepatan dengan kehendak syarak atau sebaliknya. Begitu juga dengan pengurusan ubat yang tidak halal mestilah diuruskan dengan teliti supaya tidak bercampur dengan ubat yang halal. Hal ini amat penting kerana penggunaan ubat-ubatan yang tidak menepati syarak yang digunakan pada ketika tidak diperlukan atau tanpa sebarang darurat akan memberi kesan kepada ibadah seseorang pesakit muslim.

Secara umumnya, *methadone* ialah sejenis ubat yang bersumberkan dari bahan kimia yang diproses secara sintetik dan secara klinikal sama ada di makmal atau diproses secara industri. Dapat difahami bahawa *methadone* merupakan bahan yang diproses secara klinikal di makmal kemudian dikilangkan (Aineen, 2011, p. 91). *Methadone* juga mempunyai kesan yang sama seperti dadah lain yang disalahgunakan seperti heroin dan morfin. *Methadone* diberikan dalam Rawatan Gantian Terapi (RTG) Dadah adalah untuk mengawal ketagihan yang disebabkan oleh pengambilan heroin atau morfin dan dalam masa yang sama dapat mencegah tanda-tanda pengunduran ketagihan dadah, mengurangkan risiko jangkitan HIV/AIDS (kerana tiada perkongsian jarum suntikan) (Nur Hazwani Mohd Noor, 2014). Perbezaan *methadone* dan morfin ialah pada sumbernya; morfin merupakan bahan semulajadi yang didapati dari tumbuhan iaitu popi. Manakala, *methadone* pula merupakan bahan aktif kimia yang diperolehi melalui proses makmal (Aineen, 2011, p. 91).

Kesan penggunaan *methadone* pula secara ringkasnya dapat diklasifikasikan seperti berikut:

Jadual 1.0 Kesan Penggunaan *Methadone*

Ringkasan Kesan Penggunaan <i>Methadone</i>				
Kesan Baik	Kesan Sampingan (tidak semua pesakit akan mendapat kesan sampingan)	Kesan Memudaratkan (terjadi apabila pesakit/ pengelola menuruti penggunaan <i>methadone</i>)	Kesan Psikososial	
<ul style="list-style-type: none"> - Mengurangkan risiko kematian akibat penyalahgunaan dos dadah terdahulu - Meningkatkan kecerdasan mental dan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> - Sukar tidur - Loya dan muntah - Sembelit - Mulut kering - Kerap berpeluh 	<ul style="list-style-type: none"> - Membawa maut - Pergantungan kepada <i>methadone</i> tetapi tidak terlalu teruk 	<ul style="list-style-type: none"> - Mampu menguruskan diri sendiri - Jelas pertuturan - Boleh memandu - Mampu untuk mencari 	

-
- | | | |
|---|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> - Mengurangkan risiko <i>blood borne disease</i> (Jangkitan virus bawaan darah) - Mengelakkan sindrom penarikan (<i>withdrawal</i>) - Mengawal proses detoksifikasi - Pembuangan narkotik lain dari tubuh penagih - Penyekat rasa khayal dan <i>euphoria</i> (Rasa seronok dan gembira tanpa bersebab kepada penagih dadah) | <ul style="list-style-type: none"> - Peningkatan berat badan | <p>pendapatan sendiri serta keluarga</p> |
|---|---|--|
-

Rujukan: Kementerian Kesihatan Malaysia (2016, p. 2); Kementerian Kesihatan Malaysia (2007, p. 4), Salmah Nordin (2015).

Berdasarkan kepada jadual yang telah dinyatakan tersebut dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai kesan baik, kesan sampingan, kesan mudarat dan kesan psikososial terhadap penggunaan *methadone*. Namun, kesan sampingan ini berlaku bergantung kepada tahap metabolisme badan masing-masing. Manakala, kesan mudarat pula berlaku apabila pesakit atau pihak pengelola tidak menuruti peraturan penggunaan *methadone* dengan betul. Oleh sebab itulah, Kementerian Kesihatan Malaysia serta beberapa badan yang bertanggungjawab telah mengeluarkan garis panduan yang terperinci serta dipreskripsikan dan dikawal ketat untuk mengelak pelbagai kemungkinan buruk berlaku (Aineen, 2011, p. 96). Kesan psikososial ini juga dapat dilihat setelah menjalani rawatan RTG ini. Hal ini kerana salah satu tujuan rawatan ini dilakukan adalah untuk memperbaiki fungsi psikososial mereka sehingga mereka mampu untuk bekerja, memandu, menguruskan diri dan sebagainya (Aineen, 2011, p. 94)

Perbincangan

Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-3 menyatakan bahawa:

“Keputusan (i) sebarang penyalahgunaan termasuk penyalahgunaan dadah, hukumnya haram.

Keputusan (ii) Dadah hanya boleh digunakan bagi tujuan perubatan yang sah mengikut syarak”.

Fatwa yang dikeluarkan oleh Keputusan Mesyuarat Panel Kajian Syariah, JAKIM kali ke-52 pada tahun 2005 menyatakan bahawa:

“Dadah sintetik yang dikenali sebagai *methadone* boleh digunakan sebagai kaedah perubatan bagi penagih dadah tegar sekiranya tiada ubat lain yang halal dan diakui oleh pakar perubatan Muslim dengan syarat kaedah rawatan ini di bawah kawalan dan pemantauan dari pihak berkuasa.”

Berdasarkan kepada fatwa-fatwa yang telah dinyatakan tersebut maka, dapat difahami bahawa penggunaan *methadone* dalam rawatan perlu melihat kepada beberapa aspek yang penting. Antaranya mengenai kandungan atau bahannya sama ada dari sumber yang menepati syarak atau tidak. Kajian yang telah dilakukan oleh (Aineen, 2011, p. 98), menyatakan bahawa *methadone* yang digunakan di Malaysia adalah bersumberkan kepada bahan aktif kimia yang diproses di makmal dan bukannya dari haiwan atau tumbuh-tumbuhan.

Aspek seterusnya yang perlu diambil kira dalam penggunaan *methadone* ialah tujuan penggunaan dan kesan tindaknya terhadap pesakit semasa rawatan. Jika *methadone* digunakan sama ada sedikit atau banyak tetapi bukan untuk tujuan perubatan dan mengganggu kewarasan akal, maka hal ini perlu diqiaskan kepada arak yang membawa kepada hukum haram. Namun, jika penggunaan *methadone* digunakan adalah bertujuan untuk rawatan dan dengan kadar atau dos yang mencukupi serta dalam keadaan darurat dan terdesak jadi, hal ini perlu kembali semula kepada Surah al-Baqarah ayat 173 yang mengharuskan penggunaannya (Aineen, 2011, p. 147). Hasil kajian yang dilakukan oleh (Aineen, 2011, p. 126) juga menyatakan bahawa penagih yang tidak mendapat dadah akan mengalami proses detoksifikasi atau penyahan toksin dadah yang telah digunakan. Selain itu, hasil kajian juga menyatakan bahawa penagih tidak akan mati disebabkan oleh proses ini. Namun, hal ini boleh membawa kepada jenayah yang ganas, penyakit HIV/AIDS sama ada pada diri sendiri atau orang lain yang boleh membawa maut. Situasi penggunaan dadah ketika ini berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-An'am pada ayat 145 seperti yang diterangkan pada perbincangan pada sebelum ini.

Hal ini juga berdasarkan kepada kaedah fiqh *إذا تعارض مفسدتان روعي أشدهما بارتكاب أخفهما* yang bermaksud jika bertembung antara dua mafsadah maka diraikan mafsadah yang besar dengan melakukan mafsadah yang kecil. Selain itu, kaedah fiqh yang berkaitan dengan masalah ini juga ialah *يحتمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام* yang bermaksud kemudahan yang khusus ditanggung demi membendung kemudahan yang umum.

Hal ini membawa maksud jika dibandingkan kemudaran tidak menjalankan rawatan RTG yang membawa kepada pelbagai kemudaran; penyakit HIV/AIDS ketagihan yang melampau kepada dadah, jenayah dan sebagainya dengan kemudaran menjalan rawatan RTG yang membawa beberapa kesan sampingan seperti yang dinyatakan sebelum ini. Maka, diraikan kemudaran yang besar dengan melakukan kemudaran yang kecil. Hal ini bermaksud diutamakan untuk melakukan rawatan RTG kepada penagih dadah tegar dari terus membiarkan mereka tanpa rawatan sehingga membawa kepada mafsadah yang lebih besar kepada diri dan masyarakat awam.

Kesimpulan

Permasalahan yang berlaku berkaitan dengan perubatan ini perlu diberi perhatian yang lebih terperinci dari sudut syarak dan perubatan. Gabungan ahli pakar dalam kedua-dua bidang ini amatlah penting bagi memastikan kemaslahatan masyarakat awam terjaga. Hasil daripada penelitian yang dilakukan terhadap kedua-dua permasalahan ini mendapati pengaplikasian *fiqh al-awlawiyyāt* yang berlaku adalah untuk menjaga kemaslahatan pesakit dan juga masyarakat umum. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh organisasi yang bertanggungjawab adalah berdasarkan kepada nas syarak dan juga pemerhatian serta penelitian yang mendalam terhadap nas syarak dan garis panduan yang telah dinyatakan oleh ulama. Keutamaan menggunakan ubat *arixtra* dalam rawatan yang telah dibincangkan pada sebelum ini bertujuan untuk memberi kemudahan atau keringanan kepada pesakit ketika berada dalam situasi yang darurat berdasarkan kepada syarat-syarat yang tertentu. Hal ini juga berdasarkan kepada nas-nas syarak dan disokong oleh kaedah *fiqhhiyyah* yang telah ditetapkan dan dibincangkan oleh ulama. Namun, perlu diingatkan bahawa penggunaan ubat yang dilarang dalam Islam ketika berlakunya darurat ini akan kembali kepada hukum asal sekiranya tidak berada dalam situasi darurat seperti yang dibincangkan pada sebelum ini. Manakala, pengaplikasian *fiqh al-awlawiyyāt* dalam isu penggunaan dadah berdasarkan kepada syarat yang tertentu seperti rawatan yang dilakukan mestilah di bawah pengawasan pegawai yang diiktiraf dan amanah serta dos yang mencukupi semasa rawatan. Hal ini amat penting dalam memastikan rawatan ini mampu memberi kesan yang baik kepada penagih dan dalam masa yang sama, mampu menjaga kemaslahatan awam. Perkara ini amat dituntut dalam mengutamakan manfaat kepada orang ramai berbanding manfaat individu. Namun, dalam isu rawatan RTG ini bukan sahaja mampu memberi manfaat kepada individu bahkan mampu menjaga kesejahteraan masyarakat daripada jenayah-jenayah yang berbahaya. Adapun penjelasan yang lebih terperinci berkenaan dengan isu yang dinyatakan tersebut dapat dirujuk kepada rujukan yang telah dinyatakan.

RUJUKAN

- Abdul Manan Ismail, M. H. (2020). *Kepentingan Fiqh al-awlawiyyāt Dalam Pemfatwaan: Sorotran Isu Berkaitan Covid-19*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- 'Ali Muhyiddin Al-Qarah Daghi. (2019). *(Fiqh al-Mizan: Piawaian Kefahaman Al-Quran Dan Sunnah Serta Menolak Kepincangan Kefahaman dan Perpecahan)*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

- Al-Karbulī, Abdul Salām 'Iyādah Alī. (2008). *Fiqh al-Awlawiyyāt fī Zilāl Maqāsid al-Syariah al-Islāmiyyah*. Dar Taibah: Dimasyq
- Aineen, A. M. (2011). *Penggunaan Methadone Dalam Rawatan Penagih Dadah di Malaysia: Kajian Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Alexander G. G. Turpie, K. A. (2002). *Fondaparinux vs Enoxaparin for the Prevention of Venous Thromboembolism in Major Orthopedic Surgery*. *Arch Intern Med*, 1833-1840.
- al-Qardhawi, Y. (1996). *Fī Fiqh al-Awlawiyyāt Dirāsah Jadīdah Fī Ḍaui al-Qurān wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Zuhaili, W. (2002). *Tafsir al-Munir, Jilid 5*. Indonesia: Gema Insani Press.
- Asmawi, A. N. (2015). *Fiqh Keutamaan (Keutamaan Tugas-tugas Kaum Muslimin); Satu Kajian Baru Dari Perspektif al-Quran dan al-Sunnah*. Selangor: Al-Ain Publisher.
- Awang, A. (2011). *Penghayatan Ibadah dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur (1995), *Garis Panduan Bersama Kawalan Ubat-Ubatan Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Dagang, W. N. (2013, Mei 16). Peranan Ibadah Terhadap Kesihatan Jiwa. *Seminar Falsafah Sains dan Teknologi*, pp. 1-9.
- Hehsan, M. R. (2015). *Q & A Fiqh Perubatan*. Selangor: Publishing House Sdn. Bhd. .
- Ishak Mas'ud, M. Z. (2021). Konsep Hospital Mesra Ibadah: Tadbir Urus Berasaskan Maqasid al-Syariah dan Peranan Zakat. *Azka International Journal Of Zakat & Social Science*, 71-90.
- Javier Martínez González, M. M. (2018, march 19). *Bioequivalence of a Biosimilar Enoxaparin Sodium to Clexane® after single 100 mg Subcutaneous dose: Results of a Randomized, Double-blind, Crossover Study in Healthy Volunteers*. *Drug Design, Development and Therapy*, pp. 575-582.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2016). *Malaysian Methadone Treatment Outcome Study (MyTOS); Review of Methadone Maintenance Therapy in Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kesihatan Awam.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2007). *MMT Policy & SOP; National Policy and Standard Operating Procedures For Methadone Maintenance Therapy*. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Mohd Zulkifli Awang, M. ' . (2019). Keperluan Clexane Dalam Perubatan; Satu Kajian Fiqh Kontemporari. *5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference* (pp. 142- 155). Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nur Hazwani Mohd Noor. (2014, April 23). Methadone- Kaedah Rawatan Terapi Gantian (RTG) Penagihan Dadah. Portal Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia: <http://www.myhealth.gov.my/methadone-kaedah-rawatan-terapi-gantian-rtg-penagihan-dadah/>
- Paizah Ismail, R. A. (2000). *Fiqh Malaysia ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Salmah Nordin. (2015); Dadah Opiat dalam Kalangan Remaja. Diakses pada 3 oktober 2022: <http://www.myhealth.gov.my/dadah-opiat-dalam-kalangan-remaja/>

- Sameer Avasarala, Kshama Vaghela, Mohammed Dabbagh, Zaid Abdel Rahman, Haydar Ali, Kamal Khalil, Daniel Moore. (2016). Is *Heparin* Halal: A Cross-Sectional Study Assessing the Acceptability of Using Subcutaneous *Heparin* Products for Venous Thromboembolism Prophylaxis Among Muslim Patients. APHA 2016 Annual Meeting & Expo. (29 Oct - 2 Nov).
- Suhazeli Abdullah (2016, Ogos 16). Penggunaan Enoxaparin (*claxane*) vs *fondaparinux* (*Arixtra*); Haram vs Halal. Suhazeli.com: <https://suhazeli.com/wp/penggunaan-enoxaparin-claxane-vs-fondaparinux-arixtra-haram-vs-halal/>
- Yili Ding, C. V. (2019). Advances in Chemical Synthesis of Fondaparinux. *Journal of Chemistry*, 1-17.
- Walid Rasyid al-Su'aidan. (2012). (*Kaedah-kaedah Syarak Berkaitan Isu-isu Perubatan*) (trj. Basri Ibrahim & Wan Mohd Yusof Wan Chik). Selangor: Al-Hidayah House of Publisher Sdn. Bhd.